

A.S.
15/9/78

UCAPAN YANG AMAT BERTHORMAT

PEMANGKU PRESIDEN UMNO MALAYSIA,

DATO HUSSEIN ONN, DI PERHIMPUNAN

AGONG UMNO YANG KE 29, DI HOTEL

HILTON, KUALA LUMPUR, PADA HARI

JUMAAT 15HB. SEPTEMBER, 1978,

JAM 9.30 PAGI.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

1. Yang Berbahagia, ^{*Dato*} Pengerusi ~~Tetap~~,
2. Yang Amat Berbahagia, Tun Tan Siew Sin,
3. Yang Amat Berbahagia, Tun V.T. Sambanthan,
4. Naib-Naib Presiden UMNO,
5. Yang Amat Berhormat, Dr. Lim Chong Eu,
6. Yang Amat Berhormat, Datuk Harris Salleh,
7. Yang Berhormat, Dato' Lee San Choon,
dan lain-lain Ketua atau Wakil Parti
Anggota Barisan Nasional,
8. Ahli-ahli Majlis Tertinggi UMNO,
9. Tuan-tuan Yang Terutama Duta-duta,
10. Def-def yang kehormat,
11. Para Perwakilan dan Pemerhati sekalian.

Bismillah-Hirrahma-Nirrahim.

Alhamdulillah, kita bersyukur
kehadrat Allah Subhanahu Wataala kerana
dengan limpah rahmat dan izinNYA, dapat kita

...2/-

sekelian berkumpul sekali lagi pada pagi ini, bagi menjayakan Perhimpunan Agung UMNO yang ke 29. Saya mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada ketua-ketua dan pemimpin-pemimpin parti anggota Barisan Nasional, serta def-def yang lain, di atas kesudian mereka hadir di Majlis ini. Kepada para perwakilan dan pemerhati, terutama mereka yang menghadiri Perhimpunan Agung ini buat pertama kalinya, saya, bagi pihak Ahli-ahli Majlis Tertinggi, mengalu-alukan kehadiran mereka. Semoga, penyertaan mereka ini, akan mendatangkan hasil yang lebih berkesan lagi.

3. Kita juga mengucapkan syukur kehadrat Ilahi, kerana Perhimpunan Agung kita pada tahun ini, telah dapat diadakan dalam suasana dan semangat riang gembira. Pertamanya, kerana kejayaan gilang-gemilang kita dalam Pilihanraya Umum yang lalu, dan kedua, kerana Perhimpunan Agung ini diadakan dalam bulan Syawal yang mulia. Oleh yang demikian, saya serta Ahli-ahli Majlis Tertinggi, mengambil kesempatan ini, mengucapkan Selamat Hari Raya kepada pemimpin dan ahli UMNO di seluruh tanahair. Kami meminta ampun dan maaf di atas

segala kesilapan dan kekasaran, samada dalam tutur-kata atau tindakan. Harap dihalalkan apa-apa jua yang telah termakan dan terminum.

3. Disamping itu, saya juga mengucapkan tahniah kepada calon-calon Barisan Nasional dari UMNO, yang telah menang dalam Pilihanraya Umum yang lalu. Kepada seluruh pemimpin, ahli-ahli, pekerja-pekerja dan penyokong-penyokong UMNO, yang telah bertungkus-lumus membanting tulang, bagi memastikan kemenangan cemerlang Barisan Nasional dalam Pilihanraya Umum itu, saya mengucapkan berbanyak terima

kasih serta setinggi-tinggi penghargaan.

4. Sambil kita gembira di atas kemenangan kita dalam Pilihanraya, serta bersukaria menyambut Hari Raya Aidil Fitri, janganlah pula kita lupakan kepada peristiwa sedih, yang telah menimpa negara kita pada 4hb. Disember tahun lalu. Seorang Menteri kita yang dikasihi, dan sebilangan pegawai-pegawai kanan Kerajaan, serta lain-lain penumpang dan kakitangan Syarikat Penerbangan MAS, telah terkorban dalam nahas kapal terbang MAS dekat Tanjung Kupang, Johor. Mudah-mudahan, Allah mencucuri

rahmat di atas sekelian roh yang telah terkorban itu.

Para Perwakilan sekelian.

5. Perhimpunan Agung kita tahun ini, adalah penting. Pada tahun ini, kita akan memilih Ahli-ahli Majlis Tertinggi yang baru, yang akan menentukan arah haluan parti kita dalam masa tiga tahun yang akan datang. Pada hari ini, kita akan menentukan pucuk pimpinan di dalam parti yang terbesar di negara ini.

Sepanjang sejarah parti kita, pemilihan pemimpin-pemimpin adalah perkara biasa, yang

mesti berlaku dan dilakukan, bagi meneruskan
perjuangan kita. Pemimpin-pemimpin mesti
diwujudkan dari parti kita dari masa ke semasa,
bukan sahaja untuk mengendalikan perjalanan
parti, tetapi bagi memberi pimpinan dalam
Kerajaan dan negara. Hari ini, kita akan
memenuhi tugas yang suci itu.

6. Kita bersyukur kehadiran Allah Subhanahu
Wataala, yang telah meredai kita memimpin negara
ini, dan telah memberi taufiq dan hidayahNYA
kepada pemimpin-pemimpin kita, dalam mengendalikan
hal-ehwal negara. Kita telah mencapai kejayaan

dalam pembangunan, dan telah berjaya membawa keselamatan, kemakmuran dan kebahagiaan kepada rakyat. Inilah faktor yang menghasilkan kemenangan kita dalam Pilihanraya-Pilihanraya yang lepas. Kejayaan UMNO dalam Pilihanraya Umum yang lalu, adalah yang terbaik semenjak Merdeka. UMNO mempunyai bilangan kerusi yang terbesar sekali, dalam Dewan Rakyat dan Dewan-Dewan Undangan Negeri. Di Semenanjung Malaysia, Parti kita menguasai 69 daripada 114 kerusi Dewan Rakyat, dan 198 daripada 312 kerusi Dewan-Dewan Undangan Negeri. Ini jelas menunjukkan

kedudukan UMNO, sebagai teras kepada Kerajaan Barisan Nasional.

7. Kejayaan UMNO dalam setiap Pilihanraya, ialah kerana UMNO adalah sebuah Parti Politik yang matang. Kematangan ini berpunca daripada usianya, dan juga dari penglibatannya secara menyeluruh dalam kegiatan di semua peringkat masyarakat Malaysia. UMNO tidak muncul kerana Pilihanraya sahaja, bahkan Parti ini wujud pada setiap masa, di semua kampung, bandar dan kota. Kegiatan UMNO sekarang berjalan pada setiap hari, setiap minggu, bulan dan tahun, dan

jentera parti kita boleh digerakkan dengan segera pada bila-bila masa. Inilah salah satu rahsia kekuatan UMNO.

8. UMNO kuat oleh kerana ianya juga sebuah parti yang teratur, dan mempunyai perlembagaan dan peraturan-peraturannya tersendiri. Ahli-ahli parti mempunyai disiplin yang tinggi, dan ini jelas ternampak setiap masa UMNO menghadapi pilihanraya. Pada pilihanraya yang lalu, walaupun ada calon-calon bebas yang datangnya daripada ahli-ahli UMNO yang mengutamakan kepentingan diri, dan mendapat sokongan gulongan kecil

daripada ahli-ahli parti, mereka tetap tidak berjaya. UMNO akan mengambil tindakan kepada golongan kecil ini, yang bekerja untuk calon-calon bebas ini. Disiplin parti perlu dipelihara bagi menjamin keutuhan UMNO.

PAUSE.

9. Sesungguhnya, setiap pemimpin dan ahli UMNO, mestilah sentiasa meletakkan kepentingan parti di atas kepentingan individu. UMNO tidak pernah bergantung perjuangannya, kepada seseorang pemimpin sahaja. Perjuangan UMNO dilaksanakan dengan usaha seluruh pucuk pimpinan, dan dengan sokongan dan kerjasama

seluruh anggota parti. Kekuatan UMNO bergantung kepada seluruh anggotanya. Amalan menunjol-
nunjolkan peribadi seseorang pemimpin, tidak
berlaku, dan tidak akan dibenarkan berlaku dalam
parti kita. Mengamalkan "personality cult"
boleh menjejaskan kekuatan UMNO. Dalam perkem-
bangan sejarah parti di masa-masa yang lampau,
ramai juga pemimpin yang telah pergi, tetapi
mereka silih berganti. Sekalipun perubahan
ini berlaku, UMNO tetap utuh dengan perjuangannya.

10. Sungguhpun UMNO merupakan parti tulin
orang Melayu, tetapi perjuangannya tetap bercorak

kebangsaan. Inilah juga kekuatan kita. UMNO sentiasa insaf dengan peranan kepimpinan yang ada pada kita, dan kita sedar bahawa kesan kepimpinan kita itu, adalah disebabkan sokongan rakyat dari semua kaum. Rakyat daripada berbagai keturunan di seluruh tanahair, telah menerima kita sebagai parti yang boleh memberi pimpinan dan perlindungan kepada mereka, sebagaimana yang telah terbukti dari usaha-usaha kita, semenjak kita dan parti-parti rakan kita mentadbirkan negara.

11. Satu lagi kekuatan UMNO, ialah kerana kemampuannya menggerakkan perhatian rakyat

terhadap issue-issue negara, serta melahirkan pandangan dan pendapat mereka bagi terus dipertimbangkan. Setiap masalah, kesulitan, atau pun sebarang perkembangan, yang ada kaitannya dengan masyarakat Melayu, umat Islam dan negara seluruhnya, sentiasa menjadi percakapan, perbincangan dan perbahasan diantara ahli-ahli UMNO. Perbincangan mengenai sesuatu masalah yang melibatkan kepentingan orang-orang Melayu dan kepentingan negara, sentiasa dilakukan dari peringkat cawangan ke-peringkat bahagian, dan hinggalah ke Perhimpunan Agung ini. Rumusan daripada perbincangan dan perbahasan di peringkat yang tertinggi sekali ini,

dijadikan panduan bagi penggubalan dasar dan tindakan Kerajaan, yang UMNO sendiri menjadi pendukungnya. Inilah sistem yang dianuti oleh UMNO, yang memberi peluang kepada pemimpin dan ahli-ahlinya, menyertai dalam proses membentuk masa depan negara. ~~Inilah juga menjadi kekuatan~~

12. Kekuatan UMNO juga wujud kerana kebolehannya bagi menggalak serta menghasilkan perbincangan dan perbahasan diantara pemimpin-pemimpin dengan ahli-ahlinya. Perbincangan dan perbahasan ini, berjalan dengan persefahaman,

tanpa sebarang pihak merasai tersinggong dan berkecil hati. Di dalam Perhimpunan Agung ini, setiap ahli UMNO boleh mengkritik sesaorang menteri UMNO dengan bebas dan berani, tanpa perasaan takut dan bimbang menerima tindakan balas. Ahli-ahli UMNO boleh mengkritik dan menegor pucok pimpinan, samada Perdana Menteri, Menteri-Menteri, Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri. Kesemua kritik ini diterima dengan ikhlas, demi kepentingan negara dan rakyat.

Inilah sebenar-benarnya, demokrasi dalam UMNO.

Inilah juga kekuatan UMNO.

Para Perwakilan sekelian.

13. Sambil kita mengkaji kekuatan kita

di masa kini, marilah kita mengatur langkah

bagi terus mengukuhkan barisan kita, supaya

UMNO dapat menghadapi cabaran-cabaran masa

depannya, dengan penuh semangat dan tenaga.

Oleh itu, UMNO hendaklah sentiasa mengikuti zaman,

jika tidak, parti kita tidak dapat mengekalkan

kedudukan dan kekuatannya yang ada sekarang.

Kita tidak boleh semata-mata berbangga, dengan

kegemilangan masa lampau. Kita mestilah dapat

mensesuaikan diri dengan keadaan masa kini, supaya kita dapat merancang masa depan parti kita, dengan lebih teratur dan berkesan lagi.

Mataamat perjuangan kita masih jauh lagi.

UMNO akan meneruskan perjuangannya selagi

Melayu masih hidup di dunia. Perjuangan kita

tidak mempunyai tarikh penamat. Kita akan

melaksanakan perjuangan kita
terus dengan usaha yang tidak putus-putus.

UMNO sentiasa memerlukan tenaga bagi meneruskan
perjuangannya.

14. Jika UMNO boleh diibaratkan sebagai

sebuah kereta, ia perlu diberi tenaga, supaya

jenteranya dapat bergerak melanjutkan perjalanannya Demikianlah juga dengan parti kita. Oleh itu, kita mestilah sentiasa berusaha untuk menarik generasi muda menyertai perjuangan kita, supaya UMNO dapat terus maju, kekal, wujud, teguh dan kukuh, pada bila-bila masa. Mereka inilah yang akan menjadi penyambung kepada perjuangan parti kita, yang telah diasaskan oleh mereka yang terdahulu dari kita.

15. Kita mestilah menggalakkan generasi baru dan muda-mudi, menyertai parti kita, dan melibatkan diri mereka dalam kegiatan-kegiatan UMNO,

terutama diperingkat-peringkat cawangan.
Golongan inilah juga, yang merupakan pengundi-
pengundi baru yang muncul dengan ramainya
setiap kali Pilihanraya diadakan.. Pengundi-
pengundi lah yang menentukan kedudukan parti
kita dalam Pilihanraya. Oleh itu, perhatian
yang wajar hendaklah juga diberikan kepada
jenerasi baru ini. Usahlah kita bimbangkan,
bahawa yang baru akan menjadi ancaman kepada
yang lama. Kita hendaklah mempunyai pandangan
jauh, kerana kedudukan dan pengaruh kita, akan
sentiasa terpelihara jika kita jujur dan ikhlas.

Para Perwakilan sekalian.

16. Sebenarnya, pilihanraya hanyalah satu langkah dalam usaha kita memperjuangkan nasib rakyat. Pilihanraya bukan untuk mencapai kemenangan semata-mata, tetapi adalah untuk membolehkan kita bergerak lebih tegas lagi, memperjuangkan kepentingan rakyat. Dengan mandat yang diberi oleh rakyat, kita dapat meneruskan pelaksanaan segala dasar-dasar yang bertujuan untuk memperbaiki keadaan hidup rakyat. Dasar-dasar itu, adalah mencerminkan aspirasi rakyat sendiri, yang digubalkan melalui parti yang memerintah. UMNO sendiri adalah sebuah

parti yang lahir sebagai menyahut kehendak rakyat, dan setelah berkuasa, dapat pula memenuhi kehendak itu. Selagi UMNO mengutamakan kepentingan rakyat, maka UMNO akan terus mendapat sokongan rakyat.

17. Seminggu yang lalu, saya telah mengingatkan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional, supaya sedar dan amati dengan kuasa yang telah diamanahkan oleh rakyat kepada kita. Saya sukalah menegaskan sekali lagi, dalam Perhimpunan Agung ini, supaya kita yang telah diberikan amanah itu, tidak menyalahgunakannya. Saya telah mengingatkan,

bahawa kuasa bukanlah diberi kepada kita untuk menguasai orang lain, atau untuk meninggikan darjat dan kemuliaan kita; kuasa bukanlah diberikan kepada kita, untuk menambahkan harta kekayaan kita. Kuasa mestilah digunakan untuk kebaikan dan kebajikan rakyat pada setiap masa.

18. Oleh itu, parti kita yang telah diberikan kuasa, mestilah memahami hakikat ini, dan janganlah menggunakan kuasa dengan sesenang-senangnyanya. Jika parti menyalahgunakan kuasa, maka lambat laun, kuasa akan memusnah dan menghancurkan parti kita. Saya menyeru seluruh anggota UMNO, supaya bersama-sama mengawasi agar

penyalahgunaan kuasa, tidak akan berlaku dalam parti kita. Demikianlah juga dengan pucuk pimpinan Barisan Nasional, yang telah diberi mandat sekali lagi mentadbirkan negara.

19. Mengikut sistem demokrasi yang diamalkan di negara kita, parti yang berkuasa adalah pendokong Kerajaan pada sesuatu masa. Oleh kerana UMNO mendapat sokongan besar dari orang Melayu, dan UMNO menjadi teras bagi parti yang memerintah, samada parti Perikatan atau Barisan Nasional, sejak dari awal kemerdekaan lagi, maka UMNO telah memainkan peranan penting

sebagai/^{parti}pendokong Kerajaan. Sistem Kerajaan berparti ini, adalah suatu yang telah diuji kebaikannya di negara kita. Sistem ini adalah sesuai dengan kehendak dan sifat rakyat dan penduduk Malaysia, serta perkembangan sejarah negara.

20. Samada konsep Kerajaan berparti itu akan beroleh kejayaan atau sebaliknya, terpulanglah kepada pemimpin-pemimpin parti dan ahli-ahlinya, dan wakil-wakil mereka yang menduduki dalam Kerajaan. Ahli-ahli parti mestilah sentiasa mendampingi rakyat, dan memperjuangkan kepentingan mereka.

Ahli-ahli parti yang menduduki dalam Kerajaan, bertanggungjawab di atas pelaksanaan dasar-dasar pokok parti, serta kesempurnaan perhubungan diantara parti dan Kerajaan. Pendekata, konsep Kerajaan berparti bermakna, bahawa parti ialah penghubung diantara rakyat dengan Kerajaan, dan parti juga ialah pengawas rakyat kepada Kerajaan.

21. UMNO mestilah bertindak, pada setiap masa, sebagai alat penghubung kepada rakyat.

Ia hendaklah mengkaji kesulitan dan masaaalah rakyat, khususnya orang-orang Melayu dan kaum

Bumiputera yang lain. Melalui parti, pemimpin dan ahli-ahli UMNO, hendaklah menyampaikan kesulitan dan masalah rakyat kepada Kerajaan. Melalui parti juga, ahli-ahli UMNO hendaklah memainkan peranan yang "positif" bagi menarik perhatian Kerajaan kepada kesulitan dan masalah ini, serta menghasilkan cara dan jalan yang munasabah bagi menyelesaikannya. Pemimpin dan ahli-ahli UMNO, hendaklah mempelupori tindakan, serta menjalankan langkah yang munasabah bagi menyelesaikan masalah dan kesulitan ini. Kita telah menerima kepercayaan dan keyakinan rakyat, dan sewajarnya lah UMNO sentiasa bertindak bagi

mengekal dan meningkatkan kepercayaan dan keyakinan ini.

22. Demikianlah juga dalam peranannya sebagai penghubung, pemimpin dan ahli UMNO hendaklah sentiasa menerangkan kepada rakyat setiap dasar Kerajaan, serta langkah dan tindakan yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Dasar-dasar, langkah dan tindakan Kerajaan biasanya diumumkan oleh para Menteri atau Timbalan-Timbale Menteri dan lain-lain anggota Kerajaan, yang kerap-kali disiarkan melalui radio dan talivisyen serta akhbar-akhbar. Pemimpin dan ahli-ahli UMNO hendaklah sentiasa mengikuti dan memahami

perkembangan-perkembangan ini, supaya mereka
kemudiannya boleh menjelaskan^{nya} kepada rakyat.

Dengan jalan ini, rakyat sentiasa memahami tujuan dan matalamat Kerajaan, supaya mereka dapat memberi sokongan dan kerjasama sepenuhnya, bagi melaksanakan hasrat dan cita-cita suci Kerajaan itu. Saya menyeru pemimpin dan ahli-ahli UMNO, supaya menjalankan peranan dua-hala ini, dengan jujur dan ikhlas, demi kepentingan rakyat seluruhnya.

23. Disamping peranan dua-hala ini, UMNO sebagai teras parti mendukung Kerajaan, hendaklah

juga bertindak sebagai pengawas, bagi memastikan setiap dasar, langkah, tindakan dan rancangan Kerajaan itu, dilaksanakan. Setiap pemimpin dan ahli parti, hendaklah menjalankan tugas ini dengan penuh semangat bertanggungjawab. Mereka haruslah mengkaji dan meneliti, supaya tidak ada penyelewengan, kelambatan atau kelemahan berlaku, dalam melaksanakan hasrat dan cita-cita rakyat. Adalah menjadi hasrat Kerajaan, supaya setiap dasar, tindakan dan rancangan dilaksanakan di atas semangat yang telah ditetapkan, dan di dalam jangka masa yang telah dijadualkan.

24. Dalam menjalankan tugas ini, mereka hendaklah sentiasa mengunakan parti sebagai menyampaikannya kepada saluran, atau terus / pemimpin-pemimpin parti yang ada di dalam Kerajaan, samada di peringkat negeri mahupun di peringkat Persekutuan. Adalah diharapkan, bahawa dengan adanya konsep parti sebagai penghubung dan pengawas ini, peranan UMNO di masa-masa akan datang, akan menjadi lebih berkesan lagi. Konsep ini juga akan membolehkan jentera parti, mengesan perasaan dan pemikiran rakyat. UMNO hendaklah sentiasa meneliti pendapat dan pandangan rakyat, dan hendaklah mengambil perhatian berat terhadap

pandangan dan pendapat-pendapat ini.

25. Kerajaan sendiri sentiasa mengambil perhatian di atas pendapat dan pandangan rakyat. Kerajaan juga mempunyai jentera bagi mengesan pelaksanaan projek-projek pembangunan. Sistem pengesanan pelaksanaan Kerajaan ini, telah dimodenkan dengan menggunakan alat komputer. Saya harap, amalan konsep parti sebagai penghubung dan pengawas ini, akan menjadi usaha tambahan kepada sistem pengesanan pelaksanaan projek dengan menggunakan komputer, yang diwujudkan oleh Kerajaan. Jika kedua-dua usaha parti dan

Kerajaan ini, dapat dijalankan seiring, maka saya penuh yakin, hasrat kita memesatkan lagi pelaksanaan pembangunan, bagi membawa kemajuan dan kemakmuran kepada rakyat, dapat mencapai matlamatnya.

Para Perwakilan sekalian.

26. Pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga,

kini telah sampai ke peringkat separuh akhir.

Banyak kemajuan yang telah dicapai. Dalam

bidang pertumbuhan dan perkembangan sosio

ekonomi, Keluaran Dalam Negeri Kasar (Gross

Domestic Product) telah meningkat lebih dari 8
peratus.

Sesungguhnya, ini adalah satu kejayaan. Kerajaan penuh yakin, bahawa pencapaian matlamat kita, bagi mengurang dan seterusnya membasmi kemiskinan, serta menyusun semula masyarakat di bawah Dasar Ekonomi Baru, akan dapat diperolehi, Insyallah.

27. Dalam melaksanakan rancangan dan projek pembangunan, Kerajaan akan terus memberi keutamaan tinggi terhadap usaha-usaha bagi meningkatkan lagi keadaan hidup, serta menambahkan lagi pendapatan rakyat di kampung-kampung, supaya mereka dapat menikmati kesejahteraan hidup yang lebih baik.

Sebenarnya, usaha-usaha bagi mengurangkan lagi
kadar kemiskinan rakyat, telah dapat dicapai
dengan baiknya sejak tahun 1975. Dalam masa
Rancangan Malaysia Ketiga ini, kesannya telah
meningkat lagi, dengan bertambahnya pendapatan
pekebun-pekebun kecil getah, petani, pekerja
dan peneroka-peneroka rancangan tanah. Ini
adalah natijah yang baik, lagi amat menggalakkan.
Ia membuktikan bahawa, dengan perancangan dan
pelaksanaan yang teratur dan tersusun, dan
dengan izin Allah, kita pasti dapat mencapai
setiap matalamat yang telah ditetapkan dalam
Rancangan Malaysia Ketiga, dan Dasar Ekonomi Baru.

28. Dalam usaha kita menyusun semula masyarakat, kejayaan telah sebanyak sedikit dapat juga dicapai. Dalam bidang menambahkan harta kepunyaan, dan pengurusan kegiatan ekonomi kaum Bumiputera, kemajuan yang baik telah dapat diperolehi. Bilangan pekerja Bumiputera di semua peringkat dalam industri perkilangan, telah bertambah dengan kadar yang amat menggalakkan. Walau bagaimanapun, terdapat kekurangan bilangan kaum Bumiputera yang mahir dan terlatih dalam bidang teknikal dan profesyenal. Tetapi, dengan adanya usaha yang lebih pesat, bagi meningkatkan lagi perkembangan dalam bidang sains dan

pelajaran teknikal di sekolah-sekolah menengah, serta dengan bertambahnya peluang dan kemudahan bagi melatih kaum Bumiputera dalam bidang ini, yang diselenggarakan oleh MARA, jabatan dan kementerian-kementerian, maktab-maktab dan universiti-universiti, maka kedudukan dan bilangan kaum Bumiputera dalam bidang profesyenal, teknikal dan pengurusan, akan bertambah ramai lagi, di masa-masa akan datang.

29. Penyertaan kaum Bumiputera dalam sektor swasta, serta kegiatan agensi-agensi Kerajaan yang bertanggungjawab dalam perkara ini,

dijangka dapat menambahkan harta kepunyaan kaum Bumiputera ke matalamat 16 peratus, sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Kerajaan telahpun melancarkan penubuhan Tabung Pelaburan Bumiputera, dengan peruntukan permulaannya sebanyak \$200 juta, bagi mencapai tujuan ini. Usaha ini, akan menambahkan lagi pembelian saham-saham dalam sektor swasta, yang diperuntukkan kepada kaum Bumiputera.

30. Mengikut jangkaan, prospek ekonomi negara kita di masa depan ini, adalah cerah.

Melalui dasar-dasar yang tegas dan berkesan,

dan perancangan yang cermat oleh Kerajaan, serta sokongan dan kerjasama rakyat, kita telah dapat mewujudkan ekonomi yang kukuh. Kita telah dapat meningkatkan lagi taraf hidup rakyat, serta memelihara dan mengekalkan kesetabilan sosial dan politik negara. Sambil kita berbangga dengan kejayaan dan kemajuan ini, kita mestilah terus membaiki lagi prestasi kita di semua peringkat dan bidang ekonomi, bagi memperolehi kejayaan yang lebih tinggi lagi. Adalah penting bagi rakyat sendiri, menyambut dan menyertai peluang-peluang pembangunan, serta menghadapi dengan tabah dan berani, cabaran-cabaran masa depan kita. Rakyat hendaklah

menyesuaikan diri kepada perubahan-perubahan
sosial dan zaman. Mereka hendaklah bekerja
dengan lebih giat lagi, dan dengan lebih ber-
disiplin, ke arah perpaduan yang lebih erat dan
kemajuan yang lebih meningkat. Kita mestilah
menggunakan segala sumber alam dan sumber
tenaga, yang terdapat dengan begitu banyak
di negara kita ini.

Para Perwakilan sekalian.

31. Masa depan ekonomi negara tidak akan
membawa apa-apa makna, jika keselamatan negara
kita tidak terjamin. Keselamatan adalah teras

keutuhan ekonomi dan kesetabilan politik.

Sapertimana yang saya kerap kali tegaskan, bahawa keselamatan negara adalah amat penting, untuk menjamin bahawa masyarakat kita yang berbilang kaum, dapat terus kekal menikmati faedah-faedah dari rancangan-rancangan pembangunan sosio-ekonomi, dan dapat terus mengamalkan cara hidup bebas, di bawah sistem politik demokrasi berparlimen.

Ancaman-ancaman kepada keselamatan negara, bukan sahaja datangnya daripada pengganas-pengganas kominis, yang sememangnya ternyata niat mereka untuk merampas kuasa dengan kekerasan, tetapi juga dari musuh-musuh kita yang tidak menggunakan

senjata, saperti anasir-anasir anti-nasional, pengedar-pengedar dadah, dan lain-lain pengkhianat negara.

32. Kesemua musuh negara ini, adalah sama besar bahaya ancamannya terhadap keutuhan negara. Malah kedua-dua golongan ini, boleh dikatakan membantu antara satu sama lain, dalam hasrat mereka untuk memusnahkan corak hidup rakyat. Manakala pihak Parti Komunis Malaya serta pengikut-pengikutnya, cuba merampas kuasa secara kekerasan, golongan anti-nasional pula, sentiasa cuba melemahkan semangat taat setia dan perpaduan

di kalangan rakyat, serta cuba menimbulkan
suasana buruk, yang mana akan memberi peluang
kepada pihak kominis mencapai niat jahatnya.

33. Alhamdulillah, dalam setahun kebela-
kangan ini, ancaman dari pengganas kominis
telah dapat kita patahkan. Keadaan keselamatan
negara, masih terus terkawal. Keadaan ini, wujud
dengan adanya tindakan-tindakan yang berkesan,
yang dilaksanakan oleh Pasukan Keselamatan.
Tindakan-tindakan ini, telah dapat memutuskan
saluran-saluran bantuan kepada pihak pengganas
kominis bersenjata, dan memisahkan mereka.

daripada anasir komunis bawah tanah. Gerakan-gerakan akan terus dilancarkan, bagi menghapuskan pengganas komunis bersenjata ini.

34. Sejak dua tahun yang lampau, aktiviti keganasan dan tindakan sabotaj, yang biasanya dilakukan oleh anggota-anggota subversif bawah tanah, telah tidak dapat dilakukan oleh anasir-anasir jahat ini. Walaupun mereka telah berura-ura hendak merayakan ulangtahun perjuangan bersenjata yang ke 30, yang kebetulannya pula jatuh dalam masa Pilihanraya Umum yang lalu, tetapi syukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala,

niat jahat ini, tidak dapat mereka laksanakan.

Kejayaan ini, adalah hasil tindakan pasukan keselamatan dan kewaspadaan rakyat.

35. Di perbatasan Malaysia/Indonesia, dan khususnya Malaysia/Thailand, beberapa gerakan bersama terus dilancarkan, terhadap sarang-sarang pengganas komunis. Sesungguhnya, gerakan bersama ini, telah mengakibatkan keadaan kucar kacir di kalangan anggota pengganas komunis. Namun demikian, kita tidak harus sambil-lewa, dan mengurangkan usaha serta azam kita, untuk terus berjuang bagi menghapuskan musuh-musuh negara.

Penggganas-penggganas kominis, tidak akan menamatkan niat jahat mereka, untuk memusnahkan masyarakat dan sistem politik kita. Insya Allah, dengan semangat perjuangan yang sentiasa ada di kalangan ahli-ahli UMNO, serta dengan bantuan dan kerjasama rakyat, kita akan dapat mempertahankan kedaulatan, kemerdekaan dan menjamin keselamatan negara, di masa-masa yang akan datang.

36. Itulah sebabnya, saya selalu menyeru rakyat supaya bersatu-padu. Dalam masyarakat kita yang berbilang kaum, adalah penting mewujudkan perpaduan yang tulin, dan memelihara perasaan toleransi serta hormat menghormati.

diantara satu sama lain. Jika kita tidak bersatu, dan sentiasa berselisih faham, curiga-mencurigai antara satu sama lain, maka anasir-anasir anti-nasional ini, akan senang mempergunakan keadaan, bagi mencapai niat jahat mereka.

37. Dalam hubungan ini, perlulah juga saya menegaskan sekali lagi, pentingnya rakyat berbilang kaum dan keturunan mengukuh dan menyuburkan lagi perasaan toleransi agama. Di dalam pilihanraya yang lalu, Barisan Nasional telah berikrar kepada rakyat, bahawa kita akan terus menjamin kedudukan Islam sebagai agama rasmi, dan akan berusaha bersungguh-sungguh, meningkatkan

syiar Islam, sambil memelihara hak kebebasan beragama, sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan Negara. UMNO sendiri, sebagai parti yang menjadi teras Barisan Nasional, dan yang mempunyai ahli-ahlinya yang terdiri dari umat Islam, ^{lah} hendak memelopori usaha ini, lebih-lebih lagi kerana kebebasan beragama ^{adalah} termaktub di dalam perlembagaan parti kita. Sebagai umat Islam, kita hendaklah menjauhkan diri, dari ajaran-ajaran ugama yang fanatik dan salah, yang hanya boleh membawa perpecahan di kalangan kita, dan kemusnahan ugama suci kita. Kita hendaklah sentiasa hormat-menghormati antara satu sama lain, terutama kepada rakan dan jiran, sekalipun mereka itu

menganuti agama yang berlainan dari kita.

38. Sebenarnya, memang banyak yang telah dilakukan oleh Kerajaan, bagi mengeratkan lagi perpaduan di kalangan umat Islam, serta meninggikan lagi taraf hidup mereka, supaya umat Islam dapat menunaikan perintah dan suruhan Allah, dalam keadaan yang lebih selesa dan aman. Pelaksanaan usaha-usaha pembangunan, adalah diseimbangkan dengan menitekberatkan bidang rohaniah. Kerajaan telah mengeluarkan perbelanjaan yang besar, bagi meninggikan lagi Syiar Islam, supaya sejajar dengan tarafnya sebagai agama resmi negara kita.

39. Sesungguhnya, UMNOlah yang telah berusaha meletakkan kedudukan Islam yang bagitu tinggi. Malaysia adalah satu-satunya negara Islam, yang telah dan akan terus memberi perhatian berat, terhadap kemajuan agama Islam. Sungguhpun bagitu, memang tidak sunyi bahawa terdapat golongan-golongan yang mendesak, agar Kerajaan menjalankan langkah dan tindakan yang lebih tegas. Kita mestilah menerima hakikat, bahawa masyarakat negara kita, ialah masyarakat berbilang kaum, keturunan dan agama. Oleh hal yang demikian, sesuatu tindakan yang tidak sesuai dan munasabah, yang melibatkan kaum-kaum yang

lain, akan hanya membawa ketegangan dan salah faham. Ia boleh menjejaskan perpaduan dan keselamatan negara.

Para perwakilan sekalian.

40. Dalam hal ehwal luar negeri pula, beberapa perkembangan positif telah dapat dicapai dalam masa dua tahun kebelakangan ini. Perhubungan persahabatan yang terjalin erat, diantara negara-negara di Asia Tenggara sungguh menggalakkan. Hubungan dua hala dengan negara-negara Indochina, merupakan natijah yang baik. Perubahan sikap ini, telah melahirkan suasana, di mana kita akan

dapat mengukuhkan asas, bagi usaha kerjasama dalam bidang ekonomi diantara Malaysia dan negara-negara Indochina. Pemulihan hubungan persahabatan ini, akan membuka jalan bagi mewujudkan keamanan dan kestabilan di rantau ini. Ini adalah sesuai dengan dasar negara kita, untuk mewujudkan rantau ini sebagai kawasan aman, bebas dan berkecuali.

41. Kerajaan sentiasa memberi keutamaan, dalam usaha mengeratkan kerjasama diantara negara-negara Tenggara Asia, dan memupuk persefahaman serta keamanan antarabangsa, bagi faedah semua

pihak. Usaha bagi menjalinkan kerjasama serantau ini, terbukti dalam kegiatan kita terhadap kerjasama dalam ASEAN. Negara kita berazam penuh, untuk menyambung usaha ini, demi memenuhi hasrat kita, dalam konteks pembangunan negara khususnya, dan dalam mencapai keamanan dan kestabilan di rantau ini amnya.

42. Pertukaran lawatan dan mesyuarat di semua peringkat, yang sering dilakukan oleh negara-negara ASEAN, telah menambahkan lagi semangat kerjasama serantau. Kemuncak dari usaha-usaha ini, ialah Persidangan Ketua Ketua Negara ASEAN yang Kedua, di Kuala Lumpur

dalam bulan Ogos tahun lalu. Persidangan tersebut telah membuka jalan, untuk mengeratkan lagi kerjasama di kalangan negara-negara ASEAN, serta diantara ASEAN dengan Australia, New Zealand, Jepun dan Amerika Syarikat. Banyak perkembangan telah berlaku, sejak Persidangan Kemuncak ASEAN yang kedua ini.

43. Disamping itu, kita juga berazam penuh untuk melipatgandakan usaha, bagi mengeratkan lagi tali persahabatan dan kerjasama dengan negara-negara Islam, khususnya dalam bidang ekonomi, sosial, pelajaran, sains dan teknologi. Hubungan kita dengan negara-negara Islam, telah

dapat dipereratkan lagi. Negara kita sentiasa mengambil berat, terhadap keadaan yang terdapat di negara-negara Arab, yang dicerobohi oleh Israel. Di Persidangan-persidangan antarabangsa, seperti Persidangan Negara-Negara Islam yang berlangsung di Dakar, Senegal, baru-baru ini, kita telah mengutuk sikap angkuh Israel, yang tidak menghiraukan langsung pandangan antarabangsa demi keselamatan, keharmonian dan perdamaian dunia amnya, dan hak mutlak rakyat Palestin.

44. Bagi melahirkan hubungan yang seimbang dan konstruktif dengan semua

negara-negara, Kerajaan kita akan sentiasa meneruskan dasar menghulur tangan persahabatan kepada semua negara-negara, tanpa mengira sistem politik dan sosial yang dianuti mereka, berlandaskan kepada prinsip hormat-menghormati kedaulatan, kebebasan dan keutuhan wilayah, dengan tidak mencampuri hal-ehwal dalam negara kita. Setakat ini, langkah tersebut telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari semua pihak.

Memandangkan hakikat ini, saya penuh yakin bahawa usaha negara kita, bagi mencapai keamanan dan kestabilan di rantau ini, akan membawa kejayaan yang lebih berkesan lagi.

Para Perwakilan sekalian.

45. Setelah seluruh keputusan Pilihanraya Umum diisytiharkan, sebuah Kerajaan baru telah ditubuhkan pada 27hb Julai. Sebagai usaha menekankan hasrat kita ke arah pembangunan, Kerajaan baru ini merupakan, sebuah Kerajaan Berjiwa Rakyat, yang mengandungi campuran tenaga lama dengan tenaga baru. Kerajaan ini, akan menyambung usaha-usaha Kerajaan yang lama. Kami berhasrat untuk benar-benar berkhidmat kepada rakyat, memenuhi harapan dan aspirasi rakyat. Kita telah berjanji hendak melipatgandakan usaha dan tenaga, serta bertindak bagi faedah dan

kepentingan rakyat, sebagai satu pasukan yang bersatupadu. UMNO, sebagai pendokong kepada parti yang menguasai Kerajaan, mestilah menunaikan ikrar ini. Parti kita mestilah bergerak bagi mempelupori hasrat dan cita-cita, yang telah kita janjikan itu.

46. Cita-cita Kerajaan baru, ialah kearah mewujudkan sebuah negara Malaysia yang bersatupadu, megah dan kuat; melahirkan sebuah masyarakat yang aman damai, toleransi dan liberal, bersih dan tidak korap, adil lagi saksama; menubuhkan sebuah negara yang boleh mengadakan sebanyak-

banyak bantuan, kepada yang sangat-sangat memerlukannya, dan memberi peluang kepada yang berusaha menikmati hasil titek peluhnya sendiri.

47. UMNO mestilah memastikan, supaya cita-cita ini dijadikan kenyataan. Ini bermakna, setiap pemimpin dan ahli UMNO di semua peringkat, adalah bertanggungjawab di atas tugas penting ini. Kita mestilah bekerja dengan lebih bersungguh-sungguh. Rakyat telah memberi mandat kepada kita. Amanah ini amatlah berat, dan kita mestilah berusaha sedaya-upaya kita, menunaikannya.

Para Perwakilan sekalian.

48. Sebagai parti yang mendukung Kerajaan, tugas di hadapan kita, adalah berat dan banyak. Sekalipun kita telah dapat menunaikan amanah rakyat, setiap kali kita diberi mandat, memang masih banyak lagi yang perlu dibuat. ✓ Segala tugas dan tanggungjawab kita itu, akan dapat kita sempurnakan, selagi kita sentiasa berpegang teguh kepada Perlembagaan Negara, Undang-Undang Negara, perinsip-perinsip Rukunegara dan Perlembagaan UMNO. Kesemua dokumen-dokumen ini, secara langsung atau tidak langsung, telah digubalkan dengan penyertaan pemimpin dan ahli-

ahli UMNO sendiri. Oleh hal yang demikian, kita bukanlah sahaja mesti sentiasa bergerak berpandu kepada dokumen-dokumen ini, bahkan kitalah yang mesti mendahului yang lain, dalam mempertahankan keluhuran Perlembagaan Negara, Kedaulatan Undang-Undang Negara, amalan Rukunegara, serta penghormatan Perlembagaan UMNO. Sekira ini kita lakukan, UMNO akan terus dihormati dan disokong oleh rakyat.

Para Perwakilan Sekalian.

49. Saya percaya, banyak juga perkara yang hendak dibincangkan dalam Perhimpunan Agung ini. Saya harap, apa jua yang hendak dilahirkan oleh

para perwakilan di Perhimpunan Agung ini, hendaklah
dikeluarkan dari hati yang tulus ikhlas, supaya
segala pandangan dan pendapat, boleh dijadikan
panduan kepada langkah dan tindakan kita, di masa
hadapan. Marilah kita berdoa kehadrat Allah
Subhanahu Wata'ala, agar diberi taufiq dan
hidayahNYA kepada kita sekalian, supaya perbincangan
dalam beberapa hari yang akan datang ini, dapat
berjalan dalam keadaan aman dan tenteram.

50. Akhirnya, saya mengucapkan terima kasih
dan penghargaan kepada semua pihak, yang telah


bersama-sama menjayakan majlis pembukaan Perhimpunan Agung UMNO Yang Ke 29 ini. Semoga, Allah memberkati segala usaha suci kita.

Wabillahi Taufiq, Walhidayah,

Wassalamu Alaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh.







No Siri	398
No Penerimaan	37/81